



## **UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN BOWLING PERSATUAN JURU X-RAY MALAYSIA 2015**

### **1. PERATURAN PERTANDINGAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Pertandingan ini dinamakan **PERTANDINGAN BOWLING PERSATUAN JURU X-RAY MALAYSIA 2015** anjuran Persatuan Juru X-Ray Malaysia.

#### **1.2 TARIKH DAN TEMPAT**

Pertandingan akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tempat : **KL Mega Lanes Bowling, Endah Parade Sri Petaling, Kuala Lumpur**

Tarikh : **18 April 2015 (Sabtu)**

Masa : **2.30 petang**

### **2. PENYERTAAN**

2.1 Pertandingan adalah mengikut kategori berpasukan dengan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam setiap kumpulan.

- 2.2 Penyertaan hanya dibuka kepada **20 pasukan** sahaja berdasarkan *first come first serve*.
- 2.3 Setiap pasukan mengandungi 4 orang pemain

### **3. YURAN PENYERTAAN**

- 3.1 Setiap pasukan dikenakan yuran penyertaan sebanyak **RM150.00** sepasukan.
- 3.2 Kasut akan disediakan oleh pihak pengajur dan saiz kasut adalah terhad kepada yang ada sahaja.

### **4. PENDAFTARAN PEMAIN**

- 4.1 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh urusetia pertandingan bowling Persatuan Juru X-Ray Malaysia 2015. Hanya pemain-pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian. Susunan nama pemain akan diambil kira dari borang pendaftaran pemain mengikut turutan nombor yang dicatat.
- 4.2 Pertukaran nama-nama pemain boleh dilakukan selewat-lewatnya sehari sebelum pertandingan bermula.
- 4.3 Jabatan boleh menghantar lebih dari satu pasukan yang terdiri dari Juru X-ray dan merupakan ahli persatuan Juru X-ray yang berbayar.
- 4.4 Hanya **SEORANG** sahaja pemain yang pernah mewakili negara dan negeri bagi pertandingan peringkat Kebangsaan, MAKSAK dan SUKMA tahun 2007 hingga kini yang boleh didaftarkan dalam pasukan.
- 4.5 Setiap pemain hanya dibenarkan mewakili satu pasukan sahaja.
- 4.6 Semua pasukan yang telah mengesahkan penyertaan hendaklah mendaftar pasukan masing-masing pada 18 April

2015 sebelum atau pada jam 2.15 petang di meja urusetia di KL Mega Lanes Bowling, Endah Parade, Sri Petaling, Kuala Lumpur.

## **5. CARA PERTANDINGAN**

- 5.1 Kejohanan ini akan dijalankan secara:
  - i. Berpasukan (4 sepasukan dengan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam satu pasukan).
- 5.2 Semua pasukan akan bermain sebanyak tiga (3) game.
- 5.3 Kedudukan lane semua pasukan akan ditentukan oleh pihak Penganjur.
- 5.3 Semua pasukan akan bermain secara 'cross lane'.
- 5.5 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.
- 5.6 Semua pasukan yang dijadualkan untuk bermain mestilah berada di lorong permainan 10 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 5.7 Pasukan yang enggan bermain pada waktu yang dijadualkan itu akan dianggap sebagai menarik diri (iaitu memberi *walk-over*)

## **6. PENENTUAN KEMENANGAN**

- 6.1 Pasukan yang memungut jumlah jatuh pin terbanyak akan diisyiharkan sebagai pemenang.
- 6.2 Kategori Hadiah adalah:

**Juara @ RM500**

(Kategori Berpasukan)

**Naib Juara @ RM300**

(Kategori Berpasukan)

**Tempat Ketiga @ RM200**

(Kategori Berpasukan)

**Juara High Score @ RM100**

(Individu Lelaki)

**Juara High Score @ RM100**

(Individu Wanita)

Medal juga akan diberi kepada pemenang.

**(Hadiah Pertandingan akan diubah jika penyertaan pasukan berkurangan/ berdasarkan penyertaan pasukan)**

- 6.3 Sekiranya setelah semua perlawanan selesai dan dua pasukan atau lebih didapati memperolehi jumlah pin yang sama maka kaedah berikut akan diambilkira untuk menentukan pemenang:
- a. Jumlah terbanyak jatuhan pin pasukan permainan terakhir (game ketiga) dianggap sebagai pemenang
  - b. Jika masih juga sama, pemenang bersama akan diisyiharkan.

## **7. PAKAIAN**

- 7.1 Semua pasukan/ pemain mesti memakai pakaian yang bersesuaian.

## **8. BANTAHAN**

- 8.1 Sebarang bantahan hanya boleh dibuat oleh Pengurus atau Ketua Pasukan sahaja dan hendaklah dibuat secara lisan

kepada Urusetia Pertandingan. Surat bantahan hendaklah ditandatangi oleh Pengurus Pasukan dan disertakan dengan wang cagaran secara Tunai sebanyak RM300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja). Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan itu gagal atau ditolak.

## **9. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

- 9.1 Semua borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan kepada Urusetia Pertandingan sebelum atau pada **6 April 2015 (Isnin)**
- 9.2 Syarat-syarat dan peraturan di atas boleh diubah atau ditambah oleh penganjur tanpa perlu memaklumkan kepada pasukan-pasukan yang akan bertanding; dan
- 9.3 Segala keputusan oleh pihak penganjur adalah muktamad.

**Setiausaha  
Persatuan Juru X-Ray Malaysia  
C/O Jabatan Radiologi, Pusat Perubatan UKM,  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,  
56000 Cheras, Kuala Lumpur.  
(u.p. Encik Mazli Mohamad Zin,  
Tel: 03-9145 5608, faks: 03-9145 6682,  
e-mel: mazli888@gmail.com)**



## BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN BOWLING KATEGORI BERPASUKAN PERSATUAN JURU X-RAY MALAYSIA 2015

Nama Pasukan: .....

Nama Jabatan: .....

Nama Ketua Pasukan : .....

No. Tel: ..... (Pej.) ..... (H/P)

No. Faks: ..... (e-mel): .....

### **KATEGORI BERPASUKAN** (Sekurang-kurangnya seorang wanita dalam pasukan)

Bil.	Nama Penuh Pemain	No. K/P dan Tempat Bertugas
1.		
2.		
3.		
4.		

PENGAKUAN: Bersama-sama ini disertakan yuran penyertaan berjumlah **RM150.00** dan mengesahkan bahawa Jabatan/Agensi/Bahagian akan turut mengambil bahagian di dalam pertandingan ini. Kami faham dan akan mematuhi segala Undang-undang dan Peraturannya.

Tarikh: .....

(Tandatangan Ketua Pasukan)

Borang yang lengkap di isi hendaklah dikembalikan sebelum **6 April 2015** kepada Urusetia Pertandingan Bowling Persatuan Juru X-ray Malaysia 2015, Setiausaha, Persatuan Juru X-Ray Malaysia, C/O Jabatan Radiologi, Pusat Perubatan UKM,Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur.(u.p. Encik Mazli Mohamad Zin, Tel: 03-9145 5608, faks: 03-9145 6682, e-mel: mazli888@gmail.com)